

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 29 Rejab 1443 / 2 Mac 2022****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**(Hadir secara *virtual*)**

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

**(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

**(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan

Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keenam Rabu, 29 Rejab 1443 Hijrah bersamaan 2 Mac 2022 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
اللَّهُ أَكْرَمُ إِلَهِهِ , kita bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini dalam Persidangan hari yang keenam dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم , kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2022), Perbekalan 2022/2023 yang mana Undang-undang ini telahpun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan itu dengan meneliti jadual kementerian-kementerian yang berkenaan, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang di peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangankan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023, satu-persatu.

Pada mesyuarat yang telah dijalankan ada petang semalam. Kita telah meluluskan Jadual Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Sekarang kita akan beralih ke tajuk ke Kementerian seterusnya.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Tajuk SN01A hingga SN09A Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa sekarang menimbangankan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sebelum tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, sebagaimana lazim saya ingin memberi laluan ataupun ruang

kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menyampaikan mukadimahya terutamanya mengenai dengan hala tuju anggaran belanjawan yang disediakan.

Saya persilakan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan untuk kaola mengongsikan mukadimah bagi memulakan perbincangan ke atas anggaran peruntukan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di dewan yang mulia ini, kaola turut menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, tahun 2022.

Seperti kita maklumi bersama, titah baginda antara lainnya menekankan keperluan untuk meluruskan tadbir urus masing-masing mengikut keutamaan, keperluan, tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur.

Baginda juga menitahkan bagi persediaan yang teratur sebelum pelaksanaan, antaranya, pindaan kepada akta, perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan juga pemberigaan.

ان شاء الله, titah saranan baginda akan terus menjadi rujukan dan garis panduan utama bagi *MTIC* memastikan urus tadbir dan pelaksanaan dasar serta inisiatif yang lebih teratur ke arah pelaksanaan objektif-objektif strategik *MTIC* dengan perundangan kepada perundangan dan peraturan-peraturan kewangan yang ada, proses pengkopratan yang dijalankan oleh *MTIC*, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** telah menjurus kepada penubuhan dua buah badan kanun yang *sustainable* dan mampu untuk menjana kutipan hasil kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, dengan perkembangan industri *ICT* serta industri maritim dan pelabuhan di negara ini, pihak berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi (*AITI*) dan pihak berkuasa Maritim dan Pelabuhan (*MPABD*) kedua-duanya telah dapat beroperasi dengan lebih efisien. *AITI* telah dapat menyumbang kepada anggaran hasil kerajaan dengan mengembalikan hasil yang berlebihan kepada pihak kerajaan.

Dalam mendukung tema belanjawan pada tahun ini iaitu "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien", kaola juga ingin merujuk dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali yang ke-38 tahun ini.

Titah baginda antara lainnya menekankan bagi keperluan untuk mempercepatkan penubuhan transformasi digital bagi memastikan norma baharu dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara ini adalah selaras dengan matlamat Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Dengan visi negara pintar melalui transformasi digital Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 merupakan dokumen rujukan utama dan peta jalan bagi perancangan dan pelaksanaan transformasi digital di Negara Brunei Darussalam. Ke arah ini, beberapa usaha penyelarasan telah pun dijalankan oleh pihak Urusetia Majlis Ekonomi Digital (*DEC*) bagi memantapkan lagi penyediaan dan pelaksanaan projek serta inisiatif *digitalisation* di bawah Pelan Tranformasi Digital yang diterajui oeh *Digital Transformation Steering Committee (DTSC)* bagi kementerian masing-masing.

Pelan tansformasi digital ini, adalah merangkumi dan mendukung penggunaan teknologi digital bagi kementerian tersebut dan juga bagi

sektor perindustrian di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing. Hasil perkembangan dari sesi *Ministries Digital Transformation Plan Stock Take* yang telah dijalankan dari bulan April hingga Jun 2021, sebanyak sepuluh *Digital Transformation Plans* telah diterima untuk penelitian urusetia DEC.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merujuk kepada soalan dari Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa membincangkan usul di bawah Tajuk Jabatan Perdana Menteri dan ingin menambah sedikit kepada jawapan dari Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam menggalakkan transformasi digital di sektor kerajaan, kaola ingin mengongsikan beberapa dapatan dan pencapaian seperti berikut:

a. Bagi Pekhidmatan Kerajaan, terdapat:

- i. 178 perkhidmatan yang boleh didapati dalam talian.;
- ii. 25 aplikasi mudah alih bagi perkhidmatan-perkhidmatan.;
- iii. 22 pembayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan secara dalam talian.

b. Ke arah perkhidmatan kerajaan yang lebih modern dan berkesan, kesemua kementerian telah disediakan *office collaborative tools* seperti perkhidmatan e-mel, *platform intranet* bagi penyimpanan persuratan dan perkongsian

dokumen, e-minit dan lain-lain. Setakat ini kadar penggunaan *tools* ini adalah:

- i. 96% warga perkhidmatan awam menggunakan e-mel yang telah disediakan pihak kerajaan.;
- ii. 61 agensi kerajaan aktif menggunakan *intranet platform* sebagai peralatan penyimpanan persuratan dan perkongsian dokumen.;
- iii. Sementara itu hampir ke semua kementerian iaitu sebanyak 10 buah kementerian telah pun mula menggunakan e-minit atau *e-office* bagi pengagihan tugas-tugas untuk tindakan selanjutnya.

Terdapat peningkatan jumlah pendaftaran akaun e-Darusalam yang baharu sebanyak 70% dari tahun sebelumnya . Setakat bulan Januari 2022, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** sebanyak 208,077 akaun telah didaftarkan dan sebanyak 170,963 akaun yang telah aktif. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** , statistik ini menunjukkan kadar penggunaan perkhidmatan kerajaan melalui e-Darussalam yang terus meningkat.

Secara keseluruhannya, untuk lebih menggerakkan transformasi digital bagi sektor kerajaan dengan berteraskan pendekatan *whole of government* , pihak MTIC dan Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan *Digitization Policy Taskforce*. *Taskforce* ini yang bertanggungjawab untuk meneliti pengubalan akta dan dasar yang perlu dikemas kini dalam mendukung usaha

kerajaan dalam merealisasikan ke arah ke arah *Digital Government*.

Pada masa yang sama, perhatian yang serius turut diberikan bagi mengembangluaskan transformasi digital di sektor swasta. Dalam hal ini, dua Bengkel Pendigitalan Industri telah diadakan bagi membincangkan penyediaan "Pelan Transformasi Digital" untuk sektor-sektor industri yang dikenal pasti iaitu:

- a. Bengkel Mendigitalkan Industri Agrimakanan telah diadakan pada 18 November 2021 dan disertai seramai 91 orang peserta.; dan
- b. Bengkel Mendigitalkan Industri Pembinaan (*Construction*) telah diadakan pada 15 Disember 2021 dengan penyertaan 60 orang peserta.

Bengkel Mendigitalkan Industri bagi 8 lagi sektor perindustrian yang tersenarai dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, ان شاء الله akan diserapkan selesai pada bulan Jun 2022 tahun ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mendukung objektif strategik MTIC yang selaras dengan keutamaan Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2022/2023, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan ini termasuk:

1. Anggaran sebanyak \$28 juta telah diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan bagi membiayai

penggunaan guna sama, latihan kemahiran, pemeliharaan sistem-sistem dan mengukuhkan aspek keselamatan daripada ancaman siber. Antaranya termasuk:

- i. Sekitar \$9.24 juta telah diperuntukkan bagi membiayai bayaran lesen-lesen perisian bagi semua kementerian-kementerian.;
  - ii. \$4.8 juta bagi membiayai Talian Darussalam TD123.; dan
  - iii. Sekitar \$6.6 juta bagi membiayai rangkaian *connectivity* bagi semua kemeterian-kementerian.
2. Bagi projek Sistem Pengangkutan Awam, sebanyak \$5 juta telah diperuntukkan di bawah RKN Ke-11 dengan anggaran \$370 ribu bagi Tahun Kewangan 2022/2023, untuk menambahbaik Perkhidmatan Pengangkutan Awam dan antara inisiatif-inisatif yang sedang dirancangan adalah:
    - i. Penyediaan perhentian bas *inter-change* di Jalan Kianggeh dan Jalan Mc Arthur di Bandar Seri Begawan.; dan
    - ii. Penyediaan dan penaiktarafan infrastruktur dan fasiliti perhentian bas di Daerah Temburong.
  3. Di bawah Jabatan Penerbangan Awam, anggaran sekitar \$5.4 juta diperuntukkan bagi mempertingkatkan prasarana di Lapangan Terbang



- Antarabangsa Brunei. Iaitu, antara lainnya termasuk pembinaan sebuah *Detention Pond* bagi *flood mitigation*, pemasangan sistem *Advance Lightning Protection* dan Pemasangan *System Airfield Ground Lighting*;
4. Terdapat di bawah Peruntukan Berulang-Ulang Jabatan Penerbangan Awam:
    - i. Anggaran sekitar \$3.5 juta bagi Pengoperasian dan pemeliharaan kemudahan-kemudahan penumpang dan sistem-sistem *Baggage Handling and Screening*;
    - ii. Pemeliharaan Peralatan Sistem Navigasi sekitar \$1.8 juta.; dan
    - iii. Pemeliharaan dan Pembersihan sekitar \$1.5 juta.
  5. Anggaran \$10 juta telah diperuntukkan di bawah MTIC bagi membiayai penyerapan pengoperasian *Cyber Security Brunei (CSB)*;
  6. Memeruntukkan sebanyak \$300 ribu untuk inisiatif-inisiatif di bawah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).;
  7. Sekitar \$8.5 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat bagi perlaksanaan beberapa inisiatif utama, ini termasuk antara lainnya:
    - i. Pemeliharaan dan pengoperasian Sistem Pengangkutan Darat (SPD) bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada orang ramai.; dan
    - ii. Keperluan bagi 4 buah mesin timbangan di pos-pos kawalan dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya, khususnya bagi para pengguna di jalan raya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam negara menghadapi kesan penularan pandemik *COVID-19*, sektor pengangkutan turut terkesan mengalami penurunan dari segi pergerakan trafik penumpang dan kargo.

Bagi pengangkutan udara, pergerakan penumpang sangat terjejas dengan penurunan sebanyak 70% bagi bulan Mac hingga Julai tahun 2020. Walau bagaimanapun, terdapat pemulihan yang mendatar pada bulan Mac hingga Julai 2021 dengan peningkatan sebanyak 22.1%.

Kadar peningkatan yang minimum pula dilihat dalam perkhidmatan pengangkutan laut dan maritim, khususnya dari segi jumlah kontena kapal dan kargo konvensional.

Semasa gelombang kedua pada bulan Ogos hingga November 2021, jumlah kontena kapal hanya meningkat sebanyak 0.83% juta berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun sebelumnya.

Dalam memelihara kesejahteraan awam, melalui objektif strategic MTIC, iaitu Tranformasi *Digital* dan memastikan kedayatahan Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi, beberapa inisiatif untuk menaiktaraf infrastuktur telekomunikasi telah dan akan terus dilaksanakan.

Hasil dari Pengstrukturian Industri Telekomunikasi pada 24 Januari 2020, kadar penggunaan jalur lebar (*broadband*) turut meningkat berikutan keperluan semasa pandemik *COVID-19*. Menurut stastitik yang direkodkan oleh AITI:

- i. Kadar pengguna *mobile broadband* telah meningkat sebanyak 25% dari kira-kira 115% kepada 140% pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.; dan
- ii. Dalam tempoh yang sama kadar pengguna *fixed broadband* ke rumah meningkat sebanyak 7% dari 68% kepada 75.25%.

Bagi menampung kebergantungan kepada jalur lebar ini, pihak penyedia *UNV* telah menjalankan beberapa usaha untuk menambahbaik operasi seperti antara lainnya;

1. Penambahbaikan rangkaian pada bulan Ogos 2021 bagi menghasilkan peningkatan dalam kemajuan sebanyak 61%.; dan
2. Penambahan 53 buah infrastruktur telekomunikasi untuk menambah baik liputan telekomunikasi telefon bimbit iaitu 22 buah di Daerah Brunei

Muara, 3 buah di Daerah Tutong, 15 buah di Daerah Belait dan 13 buah di Daerah Temburong, yang turut merangkumi kawasan pedalaman. Proses bagi penambahan infrastruktur ini telah pun dimulakan oleh *UNV* dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam pada itu, liputan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan pedalaman juga dititikberatkan, sebanyak \$3 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi projek pembangunan menara di kawasan luar bandar. Projek ini ان شاء الله disasarkan meliputi 4 buah kampung iaitu Kampung Apak-Apak, Kampung Sukang, Kampung Melilas dan Kampung Long Mayan.

Bagi mengekalkan momentum penggunaan teknologi digital seiring dengan kemajuan teknologi, Negara Brunei Darussalam juga membuat persediaan bagi perkhidmatan 5G. Selain dari persediaan infrastruktur, MTIC melalui AITI melaksanakan usaha pemudahcaraan melalui:

1. Menyediakan frekuensi spektrum bagi teknologi 5G dan mengkaji semula peraturan dan perundangan di bawah AITI berkaitan perkhidmatan 5G;
2. Meneruskan ujian rintis (*trial*) bagi tekonologi 5G; dan
3. Menjalankan program pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia ke arah teknologi 5G mulai bulan Mac 2022 sehingga Jun 2022.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Strategik objektif MTIC adalah juga untuk memastikan piawaian keselamatan untuk sektor pengangkutan dan infokomunikasi. Selaras dengan keutamaan belanjawan iaitu Memelihara Kesejahteraan Awam. MTIC turut mendukung keutamaan antara lainnya adalah:

- i. Melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR). Usaha bersepadu diteruskan bagi menjadikan jalan raya lebih selamat untuk pengguna. Penurunan jumlah kes kemalangan jalan raya dalam purata 1% setiap tahun dari tahun 2018 sehingga 2021.; dan
- ii. Pengemaskinian *Brunei National Cyber Security Strategy* sebagai pendekatan dan strategi keselamatan siber yang menyeluruh. Inisiatif ini dijalankan oleh *Cyber Security Brunei (CSB)* sebagai kesinambungan kepada penubuhan CSB sebagai agensi keselamatan siber kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

MTIC juga mendukung keutamaan belanjawan ketiga iaitu: "Meningkatkan Kompetensi Sumber Manusia Ke Arah *Work And Future Ready*". Selaras dengan hasil strategik di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Salah salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah Program *Coding.bn*.

Selaras dengan objektif *Manpower Industry Steering Committee (MISC)*, MTIC melalui AITI telah melaksanakan program *Coding.bn* khusus untuk menaiktaraf kemahiran para graduan yang masih mencari pekerjaan dengan kemahiran *programming*.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , *Coding.bn* bagi kohort pertama telah pun selesai dilaksanakan pada bulan September 2021, iaitu seramai 59 orang peserta telah menamatkan program tersebut. Setakat bulan Februari 2022, seramai 39 orang peserta daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan tetap.

Seiring dengan keutamaan belanjawan untuk Mendukung dan Membantu Sektor Swasta Agar Berdaya Tahan dan Berkembang, MTIC turut melaksanakan Dasar dan Rangka Kerja Kawal Selia yang kondusif kepada pelaburan dan perniagaan.

Bagi memudah cara perkembangan sektor swasta, khususnya semasa menangani situasi penularan wabak *COVID-19*, antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk:

- i. *Brunei ICT Awards (BICTA)* sebagai acara tahunan untuk mengasah tahap daya saing, kreativiti dan inovasi dalam teknologi digital. Sejak mula diadakan pada tahun 2004, sebanyak 34 produk yang dipertandingkan dalam *BICTA* sedang aktif digunakan dan 11 produk lagi telah dikomersilkan. Peserta *BICTA* juga telah berjaya mendapat kemenangan di luar negara dengan kejayaan terkini iaitu

*Rumine Corporation* mendapat tempat pertama dan Anugerah Emas dalam kategori *Digital Content* semasa *ASEAN ICT Awards 2021* yang diadakan baru-baru ini.; dan

- ii. Program *Productivity and Efficiency Joint Funding for Digital Adoption (PENJANA)* yang dilancarkan oleh *AITI* pada 17 Februari 2022 baru-baru ini, bagi membantu perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana (*MSMEs*) tempatan dalam mengguna pakai teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti. Di bawah program ini, *AITI* akan membiayai sehingga 70% kos dalam menggunapakai *digital solutions*.

Selaras juga dengan Keutamaan Belanjawan bagi sumber manusia yang *Work and Future Ready*, *MTIC* juga memberikan usaha signifikan kepada Inovasi, Penyelidikan Dan Perkembangan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , menjunjung tinggi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-75 pada 15 Julai 2021, mengenai penubuhan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains (*CREATES*) bagi memacu aktiviti penyelidikan dan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi di negara ini.

Sehubungan ini, satu rangka kerja dasar iaitu *National Science, Technology and Innovation Framework* sedang disediakan bagi menetapkan hala tuju dan strategi yang jelas ke arah

pembangunan negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035. Hala tuju Sains, Teknologi dan Inovasi ini akan diselaraskan dengan keperluan-keperluan industri yang terkini dan relevan.

Sebagai langkah bagi menggalakkan inovasi, beberapa inisiatif turut dilaksanakan dan dirancang, antara lainnya adalah:

- i. Melalui *CREATES*, satu projek penyelidikan dalam membantu menangani dan membendung wabak *COVID-19* telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan, *Singapore Duke-NUS Medical School* dan *EVYD Technology Sdn Bhd.*;

Pada penghujung tahun 2021, sebanyak 22 cadangan projek penyelidikan telah pun diterima daripada institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan. Daripada jumlah tersebut, 12 projek yang disokong oleh *CREATES* kini dalam proses untuk diluluskan.; dan

- ii. *CREATES* sedang meneliti peruntukan sebanyak \$3 juta untuk tempoh tiga (3) tahun bagi mendukung projek rintis 5G. Ini adalah sebagai susulan kepada cadangan *National 5G Taskforce* bagi pelaksanaan strategi dan pelan-pelan tindakan ke arah pembangunan ekosistem 5G yang

bermanfaat bagi Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

ان شاء الله, inisiatif-inisiatif yang mendukung ke arah pertumbuhan ekonomi negara akan sedaya upaya dilaksanakan melalui Peruntukan Perbelanjaan Biasa untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) sebanyak \$108,029,200 dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$34,416,971 yang disokong bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Akhir sekali, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat atas sokongan berterusan dalam sektor-sektor di bawah kawalan MTIC.

Kaola juga merafak syukur ke hadrat الله سبحانه وتعالى di atas kurnia limpah-Nya jua, kaola diberi peluang menyampaikan mukadimah dan seterusnya untuk mengikuti perbincangan di dewan yang mulia pada pagi ini walaupun secara maya.

Sama-samalah kita doakan semoga segala inisiatif yang diusahakan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta usaha-usaha secara *whole of nation*, akan membuahkan hasil dan impak yang dihasratkan ke arah menjayakan Wawasan Negara 2035.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas kenyataan yang dibentangkannya yang begitu jelas dan terperinci, mengandungi beberapa hala tuju dan juga sasaran-sasaran yang ditentukan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kami di sini mendoakan semoga Yang Berhormat akan sentiasa tabah dan dikurniakan الله سبحانه وتعالى dengan segala kesihatan dan supaya akan dapat balik berkhidmat seperti sediakala secepat-cepatnya.

Tajuk ini, sekarang saya bukakan untuk kita bahaskan. Untuk itu, saya persilakan untuk memulakannya, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Didoakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk terus tabah dan juga diberikan kesihatan, ان شاء الله. Terus saja kepada perbincangan kitani pada pagi ini, Yang Berhormat Pengerusi, iaitu mengenai peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Pengurusan Dasar dan Pengangkutan.

Menurut *The World Bank*, Negara Brunei Darussalam adalah negara ke-9 iaitu *top ten* di dalam *vehicles per capita* di dunia dan nombor 1 di Asia. Seperti yang diketahui, dengan hanya membina lebih banyak jalan raya tidak dapat menyelesaikan masalah *traffic congestion* atau kesesakan lalulintas kitani nanti.

Dengan sistem pengangkutan awam yang masih berada di peringkat awal serta infrastruktur negara yang memerlukan kitani untuk menggunakan kereta untuk ke mana-mana, penggunaan kereta akan terus menjadi pilihan pertama untuk pengangkutan.

Kitani mengetahui trafik di Lebuh raya Tungku bergerak dengan perlahan di sebelah pagi dan petang, apatah lagi di kawasan sekolah dan juga kawasan-kawasan komersil. Termasuk juga kawasan bangunan kerajaan seperti di Lapangan Terbang Lama dan beberapa tempat lain lagi. Jika dibiarkan, ia juga boleh menyebabkan kurang produktiviti kitani dan kerana mengambil masa yang lama untuk *commuting* serta turut melambatkan *emergency services*, contohnya seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat.

Soalan saya ialah, apakah dasar-dasar yang ada dan dirancang oleh pihak kementerian untuk mengawal *traffic congestion* ini secara jangka pendek dan jangka panjang yang sesuai dengan latarbelakang sosio ekonomi negara.

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalan tersebut.

Soalan ini mengenai *traffic congestion*, di mana salah satu tempat yang disebutkan tadi tertumpu di *highway area*. Memang ini perkara yang sudah dipantau semenjak dua tahun yang lalu, di mana dua perkara satu secara *short term*. Memang ada beberapa kerjasama agensi iaitu melalui di bawah MKKJR, 3,4 agensi yang berkenaan iaitu Jabatan Pengangkutan Darat, pihak Jabatan Kerja Raya, pihak Polis Diraja Brunei dan beberapa kali bukan saja memantau tetapi membuat beberapa ujian-ujian, uji cuba untuk mengurangkan *traffic congestion* itu melihat dari segi pertukaran atau pun peralihan jalan dan sebagainya.

Dan ini turut juga dibantu dengan pihak penguatkuasaan baik daripada pihak Polis Diraja Brunei dan juga daripada Jabatan Pengangkutan Darat. Di mana Jabatan Pengangkutan Darat salah satu tanggungjawabnya melihat kereta-kereta komersial dan truk-truk (*heavy vehicle*) dan ini bukanlah waktu *peak hours* untuk mereka boleh berjalan itu secara *short term*.

Secara *long term* nya, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** satu jawatankuasa yang digelar Jawatankuasa *Public Transport System*

(PTS) yang baharu ditubuhkan pada tahun lepas, yang mana dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan berbagai agensi dan kementerian secara *whole of nation* untuk melihat dan melaksanakan antara lainnya *Land Transport Master Plan*, sokongan-sokongan di bawah *Land Transport Master Plan*. Salah satu daripadanya adalah *to keep traffic moving*. Dan inilah satu-satunya diteliti secara *long term*, mungkin ia akan melihat kepada infrastruktur *changes* dan sebagainya dan ini ان شاء الله sedang diteliti. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat. Sejauh mana pihak jabatan sudah mempunyai dan menggunakan *Artificial Intelligent* yang dengan penggunaan *AI* ini boleh membantu mempermudah urusan-urusan jabatan seperti proses lesen cukai jalan dan lesen memandu dan lain-lain yang sentiasa berurusan dengan orang ramai. Apakah juga penggunaan *artificial intelligent* ini digunakan di lain-lain jabatan dalam kementerian. Penggunaan teknologi ke arah *Brunei Smart Nation* khususnya di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sekian. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari kerana mencadangkan satu soalan tadi mengenai penggunaan *AI* untuk khususnya Jabatan Pengangkutan Darat dan juga jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , memang *AI* atau pun dari rangka projek *AI data analytics* itu, memang ianya adalah satu-satunya dalam radar atau pun rancangan kementerian bagi mendukung *Digital Economy Master Plan* digital ekonomi dan arah lainnya habis sudah beberapa applikasi telah pun dibuat *AI* di kementerian-kementerian lain.

Dan pada masa ini, Jabatan Pengangkutan Darat, dalam waktu mukadimah yang kaola sebutkan tadi ada beberapa peruntukan untuk sistem pengangkutan. Dan ada perancangan untuk menaik taraf ke sistem Jabatan Pengangkutan Darat 2.0 dan ان شاء الله akan mengambil kira penggunaan *data analytics* dan *AI* dengan kerjasama dengan pihak *GLC* yang berkenaan. Dan ini sudah dalam perancangan dan perundingan.

ان شاء الله inilah satu-satunya *way forward* sebab masa ini *the lifespan of spd*, ini sudah lama, tetapi أَلْحَمْدُ لِلَّهِ masih jua dapat diguna pakai, tetapi yang secara *long*

*term* nya ان شاء الله akan di *upgrade* kepada Sistem Pengangkutan Darat (*SPD 2.0*). Dan ان شاء الله dalam jangka masa disasarkan pada tahun ini ان شاء الله.

Kedua, bagi jabatan-jabatan lain, memang ان شاء الله jua dalam pemikiran di Jabatan Penerbangan Awam, kajicuaca antara lainya yang memang menggunakan kaedah *data analytics* ini. ان شاء الله *with data analytics* itu mungkin akan diguna pakai *AI* itu.

Perkara ini dipakai jua sudah untuk makluman melalui radar yang digunakan di jalan raya, tetapi *it's not a full AI* itu, tetapi ada *feature data analytics* dalam penggunaan teknologi. Isu-isu jalan raya dengan sistem ini, ia dapat mengenal pasti *spots-spots*, *reasons* mengapa sebab-sebab *spots-spots* dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan tahniah di atas pembentangan Anggaran Peruntukan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta jabatan-jabatan di bawahnya oleh Yang

Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan didoakan semoga Yang Berhormat Dato cepat sembuh dan sihat seperti biasa. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Kaola menyentuh Tajuk Anggaran Perbelanjaan Kemajuan di dalam Kod 1-107/117 - Anggaran Perbelanjaan \$1,500,000.00 bagi anggaran 2022/2023 untuk pembangunan menara di kawasan luar bandar. Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi atas keprihatinan memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar untuk sama-sama menikmati teknologi khususnya dalam komunikasi.

Di sini kaola ingin membawa dua soalan:

1. Kaola memohon penjelasan mengenai pemasangan menara baharu yang terbengkalai di bangunan Stesen *Imagine* di Mukim Labi yang berdekatan dengan Balai Polis Labi yang dirancang disambung tahun lepas masih belum dilaksanakan dan juga ingin mengetahui rancangan pembinaan menara *DST* di Kawasan Teraja?
2. Tahun lepas ada kajian atau percubaan memasang perkhidmatan *internet* di Sekolah Rendah Mukim Sukang dan Melilas dan sekarang ianya telah diberhentikan. Kaola ingin mengetahui mengenai perkembangan hasil percubaan dan



pemasangan *internet* tersebut.  
Mohon pencerahan mengenainya?

Sekian disampaikan dan terima kasih.  
Yang Berhormat Pengerusi. Sekian,  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri  
Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Dan terima kasih Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput di atas soalan-soalan tersebut. Dan terima kasih kasih kepada Yang Berhormat atas doa-doa itu.

Mula-mula sekali jawapan kaola mengenai Stesen *Imagine* diguna pakai di Kawasan di Mukim Labi. Dan pada masa ini, perkara ini ada jua kaola menerangkan semasa mukadimah dan ada jua sedikit sebanyak disentuh semasa dan diterangkan saja balik, memang ada usaha-usaha daripada pihak *UNN* dan ini turut dipantau bersama. Iaitu pada masa ini ada usaha untuk menambah baik liputan telefon bimbit di Mukim Labi itu. ان شاء الله seperti yang disuarakan di sana dari segi memasang dan diguna pakai *single audio access network* yang telah disebut beberapa kali sebelum ini. Hanya ia akan diadakan secara berfasa dan kaola pun dimaklumkan bahawa *completiomya* itu ان شاء الله indalah akan siap pada penghujung 2024 nanti dan ianya tertakluk jua dalam keadaan-keadaan semasa masa ini.

Dan memanglah Kawasan Labi termasuk antara lain. Jadinya dari segi *tower* itu barangkali kaola pun difahamkan

mungkin secara *business strategy* kepada UNN memang kali tidak diguna pakai *tower* itu sebab ada rancangan ataupun *business plan* tersendiri seperti yang koala sebutkan tadi. *Installing is run* secara berfasa. ان شاء الله itulah yang kaola dapatkan jawapan dari soalan yang pertama.

Mengenai dengan sekolah-sekolah ini, perkhidmatan internet sekolah-sekolah dengan kerjasama pihak-pihak antara AITI dan Kementerian Pendidikan pada setakat ini. Tetapi *connectivity* ke semua sekolah ada sedikit *limited*, walaupun kebanyakan sekolah-sekolah, اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, dihubungkan melalui Perkhidmatan *One Government Network* (OGN). Kecuali dibeberapa buah tempat yang dimasukkan.

Jadinya, dua tempat barangkali yang kaola sendiri telah pernah jua berkunjung melawat, iaitu Sekolah Kampung Melilas dan kedua, Sekolah Kampung Sukang dan kedua-dua ini ada dicubakan perkhidmatan Valve tidak dapat, perkhidmatan talian telefon. Tapi apa yang global dicuba di sana perkhidmatan *satellite* dan apabila diuji ada berpotensi jua *satellite services* untuk kegunaan teknologi.

Dan ini pernah jua kaola suarakan, ان شاء الله di *platform* yang lain tetapi ان شاء الله perkara ini akan diusahakan lagi. Trial itu menampakkan ada kemajuan tetapi macam mana untuk melaksanakan ان شاء الله pihak-pihak berkenaan akan mengusahakan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola sukacita untuk membahaskan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam Tajuk SN01A dalam Anggaran Belanjawan \$22,715,430.00. Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola amat menyambut baik dan setinggi tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kaola sukacita untuk membahaskan mengenai kewujudan bangunan menara rumah api yang terletak di Kampung Sungai Kayu Ara, Kampung Lumut 2, Mukim Liang, Daerah Belait. Bangunan ini telah dibina kira-kira 16 tahun yang lalu iaitu tahun 2006.

Kedudukan menara ini amat strategik di pinggir pantai, menghadap ke laut mempunyai alam sekitar indah dan terpelihara, terdapat *landscape* menambah keindahannya dan akan amat menarik lagi jika pandangan hadapan menara menghadap ke laut disiangi dan diindahkannya disekitarnya.

Kawalan keselamatan dan penjagaan kebersihan bangunan menara ini amat baik, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, pekerja-pekerja jabatan yang berkenaan ada membuat lawatan jua ke bangunan Menara Rumah Api tersebut. Yang Berhormat Pengerusi,

sedikit pertanyaan dan cadangan dari kaola:

1. Kaola mohon pencerahan mengenai Bangunan Menara Rumah Api ini, adakah pekerja berkawal di sana dalam masa-masa yang tertentu? Dan adakah menara ini masih beroperasi dan berfungsi dengan aktif bagi tujuan pengawalan keselamatan pesisir pantai dan pesisir laut?; dan
2. Kaola sukacita juga ingin mencadangkan memandangkan kedudukan Menara Rumah Api ini amat menarik dan unik serta strategik ditambah dengan alam sekitarnya. Dalam fikiran kaola, Menara Rumah Api ini, boleh dimanfaatkan sebagai salah satu destinasi lawatan sambil belajar kepada pelajar-pelajar rendah, menengah dan jua pelajar-pelajar peringkat atas dan jua mungkin sebagai destinasi menarik untuk lawatan kumpulan tertentu bagi tujuan lawatan sambil menambah pengetahuan dan mengenai peranan menara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, kerana

mengutarakan satu soalan dan jua satu cadangan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , kaola mengucapkan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid tadi atas doa dan ingatan baik Yang Berhormat.

1. Memang, ini *light house*, minta maaf kaola selalu fikir rumah api *light house*. *Light house* ini, seperti jua dengan jeti-jeti di negara ini, sebelum ini adalah di bawah kawalan Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut. Tetapi sekarang telah pun diambil alih oleh *Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD)* yang mana dalam mukadimah ada disebutkan jua tadi mengenai penubuhan *Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD)* sebagai luar daripada *budget* kitani.

Bagi menjawab soalan itu, memang kaola pun difahamkan ia memang diguna pakai bagi orang-orangnya memang berselaras jua dibawah kawalan *Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD)* dan ini beberapa penelitian telah dibuat mengenai *light house* untuk difikirkan semula yang mana lebih cara yang terbaik untuk *manage* ataupun mengurus tadbirnya.

Dan ini sedang dalam penelitian dan ini termasuk jua saranan Yang Berhormat tadi, berkaitan pada saranan itu, mungkin ini "bisai" diseragamkan jua semasa penelitian ini satu cadangan yang baik untuk menjadikan *light house* ini menjadi tarikan lagi kepada orang

ramai dan ان شاء الله akan diambil baik dan kaola akan bawakan untuk penelitian bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya MPABD.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam sejahtera. Terus saja kepada soalan bagi Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , banyak perkembangan telah pun berjaya dicapai dalam sektor pengangkutan di dalam Negara Brunei Darussalam, seperti penambahbaikan pengangkutan awam, perhentian bas di Daerah Temburong yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam taklimatnya sebentar tadi.

Soalan kaola apakah inisiatif pihak kementerian termasuk Jabatan Pengangkutan Darat bagi meningkatkan lagi Sistem Pengangkutan Awam khususnya di Daerah Temburong ke arah satu sistem yang berkesan dan efisien termasuklah juga cadangan diperingkat *BIMP-EAGA* yang melibatkan Sarawak, Brunei dan Sabah dan peluang-peluang pekerjaan dari sektor pengangkutan berkenaan?

Seterusnya kaola bertanya adakah usaha atau inisiatif pihak berkenaan bagi mewujudkan pengeluaran lesen memandu bagi pemandu kereta automatik khasnya kepada pemohon dan pelajar yang hanya mengambil lesen memandu automatik sahaja?.

Akhir sekali kaola ingin mengetahui inisiatif ataupun usaha pihak berkenaan bagi mewujudkan sebuah syarikat pemeriksaan kenderaan di Daerah Temburong bagi mereka yang berminat.

Sekian sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Minta maaf koala tadi inda tertangkap ada soalan ketiga Yang Berhormat tadi. *Driving* automatik lesen, mohon penjelasan.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Iaitu bagi mewujudkan pusat kenderaan pemeriksaan kenderaan di Daerah Temburong.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, sekali lagi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Ada tiga perkara tadi, mula-mula perkara pertama, semua hubungkait dengan Jabatan Pengangkutan Darat mengenai sistem pengangkutan ke Temburong tadi soalnya.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ seperti yang kaola sebutkan tadi ada satu jawatankuasa – Jawatankuasa

PTS (*Public Transport System*) yang baru ditubuhkan pada tahun lepas. Dan ini adalah salah satu meneliti secara umumnya semua *route* bagi pengangkutan, bukan sahaja pengangkutan awam bas tetapi pengangkutan awam pilihan-pilihan lain antara contohnya masani kitani melihat jua *e-hailing service* macam *DART*, mungkin ada beberapa lagi syarikat seumpama *DART* akan lahir ان شاء الله.

Ini adalah memberi pilihan kepada orang ramai untuk pengangkutan awam dan *route* ke Temburong itu tidak terkecuali ان شاء الله. Dan memang melalui jawatankuasa akan diteliti dan masa ini ada jua berhubung bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak dari luar contohnya dari pihak area untuk memajukan macam mana menjalankan suatu sistem pengangkutan awam khususnya bagi Daerah Temburong. Perkara ini pun sedang diteliti dan diusahakan dan ان شاء الله Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, abiskaola ان شاء الله akan melihati perkara itu.

Perkara kedua adalah cadangan pemikiran untuk mengadakan *driving* lesen kepada pemandu kereta automatik. اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ, sebenarnya ini cadangan ini seragam dengan pemikiran kaola ni pada lewat tahun lepas. Ada jua sudah difikirkan dengan keadaan semasa masa ini dengan amalan-amalan terbaik jua yang diambil praktik ataupun diambil sebagai contoh ada beberapa banyak sudah negara-negara luar yang sudah mengeluarkan lesen-lesen tapi khusus

bagi memandu kenderaan automatik sahaja.

Tapi ini perlu dilihat dan *we need to research* jua sedikit bagaimana luar-luar negeri itu apa ia punya implikasi dan mungkin ان شاء الله dapat jua dipertimbangkan setelah membuat kaji dan *research* secara terperinci lagi mengikut amalan-amalan yang terbaik.

Tetapi ini adalah cadangan yang baik kerana mengikut peralihan zaman, *mostly* kebanyakan kereta automatik. Tetapi mesti kitani ingat, ada jua kereta masih *manual*, mungkin ada jua masih keperluan untuk menggunakan kereta *manual* jika diperlukan.

Jadinya ini satu pemikiran baik jua dan ان شاء الله abiskaola akan mengambil kira dalam penelitian timbangan dasar mengenainya.

Perkara ketiga, memang benar pada masa ini, bukan sahaja Temburong, Tutong pun memang belum ada *Vehicle Inspection Station (VIS)* pada masa ini. Beberapa usaha telah pun sebenarnya dibukakan tetapi nampaknya belum ada orang yang berminat untuk membuka di Temburong khususnya tetapi ان شاء الله perkara ini seperti jua perkara kedua tadi, adalah selaras dan seragam dengan dasar kementerian untuk menyediakan *Vehicle Inspection Station* di seluruh Brunei dan ان شاء الله akan diusahakan jua keperluan-keperluan di Daerah Temburong. Memang benar masa ini orang di Temburong turun ke bandar untuk membuat *inspection* dan ini adalah

selaras dengan apa yang diusahakan masa ini.

ان شاء الله satu rangka kerja kawal saliran bagi *VIS* sedang diusahakan dan tender telah pun buka dan ان شاء الله satu kaedah ini adalah menggunakan satu *regulatory framework* nya yang betul-betul bukan sahaja secara pentadbiran yang dibuat selama ini.

ان شاء الله ini akan diseragamkan dengan satu *regulatory framework* yang kaola sebutkan. Kedua, dengan dasar di mana sepatutnya yang boleh diadakan *VIS-VIS* ini dan ini sasaran utama adalah untuk seluruh Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, kaola di sini ingin ikut dalam perbahasan dan memberikan saranan.

Pertama, mengenai dengan pemandu kereta yang tidak berdisiplin dan mementingkan diri sendiri. Mereka

memandu dengan laju yang boleh membahayakan pemandu lain terutama di kawasan jalan kampung. Masih juga ada pemilik kereta yang menggunakan ekzos mengeluarkan bunyi letupan yang terlalu bising di sana sini yang mengganggu ketenteraman awam dan yang menjadi tren pada masa ini masih ada pemandu yang sering menggunakan telefon bimbit ketika memandu.

Juga tidak terkecuali bagi para penunggang motosikal. Ada segelintir penunggang motosikal yang tidak memikirkan tentang bahaya, memotong kenderaan sesuka hati seperti membuat perlumbaan, dikuatkan lagi dengan bunyi ekzos yang mungkin tidak mengikut piawai sehingga menyakitkan telinga orang ramai, menunggang dengan laju melebihi had limit tidak mengenai tempat dan tidak beradab. Perkara ini tidak boleh dibiarkan, lama kelamaan akan menjadi tabiat bagi mereka. Lebih-lebih lagi ditakuti generasi baru mengikut tabiatnya itu. Justeru pihak berkenaan hendaklah melakukan sesuatu ke atas mereka tanpa ragu-ragu.

Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola menyentuh sedikit nostalgia di zaman era penghujungan 80-an dan awal tahun 90-an. Apabila nampak beberapa pegawai Jabatan Pengangkutan Darat beruniform biru menunggang motosikal yang juga berwarna biru sedang membuat rondaan, menahan pemandu dan manakala kenderaan secara mendadak.

Para pengguna jalan raya akan merasa cemas, takut dan gelisah kerana pihak tersebut mengetahui bahawa ada

kesalahan yang dilakukan oleh pengguna jalan raya tersebut. Dalam era itu juga, para pegawai Jabatan Pengangkutan Darat yang menggunakan motorsikal berwarna biru sentiasa membuat rondaan, tugas mereka secara mengejut di beberapa batang jalan raya dan telah mendapati beberapa kesalahan serta berjaya menahan para pengguna jalan raya yang melanggar peraturan dan undang-undang.

Berbanding pada zaman sekarang, sudah jarang sekali dilihat. Alangkah moleknnya jika pihak berkenaan dapat melakukan hal yang sama, agar para pengguna jalan raya akan lebih fokus dan berdisiplin ketika berada di jalan raya.

Yang Berhormat Pengerusi. Pemeriksaan kenderaan yang menggunakan khidmat syarikat swasta yang dilantik perlu dibuat dengan teliti agar kenderaan tersebut selamat digunakan selaras dengan kehendak Jabatan Pengangkutan Darat.

Maka dengan itu, kaola sekali lagi ingin menyarankan agar pihak berkenaan mengambil langkah-langkah yang berpatutan dan bersesuaian. Mungkin pihak yang berkenaan juga akan dapat membukakan kepada orang ramai, membuat video pendek atau foto dengan kata-kata nasihat menyalurkan ke platform media sosial untuk pemberitaan tentang kesedaran para pemandu. Buatlah satu perancangan yang lebih baik dan berkesan. Maka bertindaklah dari sekarang demi keselamatan para pengguna jalan raya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan menjunjung kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman dengan atas saranan-saranan yang baik tadi itu. Tetapi apa yang kaola boleh rumuskan dan mendengar daripada saranan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed tadi itu ada 3 perkara sebenarnya.

Di bawah Majlis Keselamatan Kebangsaan Jalan Raya (MKKJR) memang ada digelar abiskaola 5E iaitu *Enforcement, Education, Engineering, Environment* dan *Emergency Response*. Dari segi *education* mungkin boleh dikuatkan melalui sekolah-sekolah memandu dan **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** sekolah-sekolah memandu ini terdapat satu jawatankuasa yang mengendalikan bagi meneliti bagaimana korikulum sekolah memandu tersebut untuk diperbaiki dari masa ke semasa.

Kedua, dari segi pemberitaan ertinya memang ada usaha-usaha telah dibuat melalui MKKJR sebab di bawah MKKJR terdapat juga Jawatankuasa Media yang mana Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri adalah sebagai ahli.

Dalam hal ini, beberapa usaha juga telah berterusan dibuat melalui sosial media, media massa, malahan daripada pihak-pihak NGO. Kaola ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak NGO berkenaan dan juga pihak-pihak swasta. Melalui kerjasama *whole of nation* ini bukannya keselamatan jalan raya ini bukan kita sahaja yang memiliki tetapi

milik kita bersama. *This is the ideal, we want everybody to own the ownership* kepada semua orang mengenai keselamatan jalan raya.

Jadinya, melalui *education program* ini **ان شاء الله** akan dipertingkatkan seperti saranan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman tadi. Dan sekarang apa yang terdapat dahulunya tidak terdapat ialah zaman teknologi berbanding zaman nostalgia yang disebut tadi itu.

Sekarang yang pentingnya ada teknologi yang boleh membantu pihak *enforcement*. *Enforcement* ini bukan sahaja pihak JPD tetapi juga pihak Polis Diraja Brunei. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** baru-baru ini seperti yang pernah diberitakan, ada melalui *Transport.bn* satu sistem yang boleh membantu memudah cara bukan sahaja orang ramai tetapi pihak penguatkuasaan untuk mengenal pasti sama ada *vehicle* ataupun kenderaan berkenaan telah mansuh cukai jalan atau lesen memandu. Ini adalah salah satu pemudah cara teknologi pada masa ini dan **ان شاء الله** memang masih dijalankan *enforcement* bergerak.

Tetapi ini seperti yang kaola sarankan, diharap orang ramai mempunyai korporat sosial *responsibility*nya masing-masing. Hargailah diri kita sendiri dan bukan sahaja menunggu pihak kerajaan menangkap atau mengambil tindakan undang-undang tetapi ianya datang dari rasa tanggungjawab kita sendiri dalam menghayati keselamatan jalan raya tersebut.

Ketiga, Engineering. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , ini memang benar bahawa pada masa ini terdapat usaha untuk mengemas kini dengan mengadakan satu rangka kerja kawal selia mengenai VIC dan ini ada hubung kait dengan soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed tadi dan ان شاء الله dalam jangka masa yang terdekat ini akan diusahakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada MTIC atas semua usaha dan pencapaian dalam peningkatan dan keperluan kepada negara dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

Kaola bertanya di bawah Tajuk SN01A-Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan 2 perkara.

Pertama, baru tadi juga ada Yang Berhormat Dato telah menjawab soalan dan cadangan daripada rakan melalui Yang Berhormat Hanapi bin Mohd Siput. Kaola hanya akan menambah sahaja selain daripada infrastruktur *cables* dan fizikal *fiber*, dicadangkan juga untuk kementerian meluaskan dasar ini sebagai *whole infrastructure approach* seperti melalui *Land Transmission Satellites* dan *Lower Level Orbits* sebagai contoh untuk menambahkan lagi *bandwidth connectivities* negara.

Kedua, kaola pernah kaola pernah membawa dalam Majlis Mesyuarat Negara beberapa tahun yang lalu tentang kedudukan negara sebagai *Multi Module Gateway* ke BIMP-EAGA. Mohon pencerahan dari Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi di atas kedudukan negara dalam perkara ini.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi mengenai dengan 2 perkara iaitu:

1. Saranan mengadakan satu kable sistem *as a whole of nation* ataupun *whole nation wide* punya cadangan juga itu. Memang pada dasarnya di bawah *National Broadband Policy*, yang masa ini masih diguna pakai tetapi ianya dinaik taraf juga sedikit *because this is in line* juga *with our Digital Economy Masterplan 2025*.

Memang kitani punya hasrat *and of course to give a whole coverage of broadband* sedaya upaya kitani. Dan setakat ini seperti dalam mukadimah kaola Yang Berhormat Pengerusi ada kaola sentuh juga disana ada berapa sudah peningkatan penggunaan *Mobile Broadband* yang di mana di negara kitani اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , infrastruktur itu memang ada sudah. Hanya sebilangan tempat itu, terutama pedalaman itu perlu diusahakan lagi.



Tetapi secara umumnya ini pun pernah disuarakan oleh rakan iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, di *mana even our speed of broadband speed for mobile speed* adalah tertinggi pada masa ini kalau dibanding di negara-negara Asia. *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ*, bukan sahaja itu tetapi dari segi harga pun mengikut study by IPU tahun lepas jika kaola tidak silap, dari segi harga per *broadband* dan *computer use* pun kita adalah paling rendah dari segi mobile bagi *mobile broadband*.

Tetapi banyak lagi perlu dibuat, kita hendaklah tidak berhenti di sini jika kitani dapat lagi mengusahakan lagi macam mana *affordability* dan *accessibility* yang disebutkan itu tadi. *Probability* harga itu makin turun dalam setahun setengah ini. *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ*, harga *broadband* menurun sekurang-kurangnya 60% sudah kalau kitani tidak sedar, 60%-90% harga kitani. 'Ganya' now, *accessibility* yang masih lagi menjadi usaha kitani pada masa ini. *ان شاء الله*.

Saranan itu di ambil baik Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Mungkin juga di bawah *ASEAN Digital Council* kitani dan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii juga salah seorang Ahli juga di sana. Mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

## 2. *Multi-Model Transport System BIMP-EAGA* ini, Memang ini maksudnya ini

*multi-model transport system of BIMP-EAGA*, Perkara ini memang di bawah perundingan di bawah bukan secara khusus di bawah *BIMP-EAGA* tetapi secara umum di bawah *ASEAN Transport Minister* dan *Forum Meeting* atau di bawahnya *ASEAN Transport Working Group*.

*ان شاء الله* perkara ini boleh disebutkan tadi itu ada juga berhubungan dengan penubuhan satu *Public Transport System* kebangsaan yang akan *meneliti route-route* utama, bukan sahaja *route* di dalam negeri, *route* menyambung keluar sebagai yang disebutkan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii itu.

Perkara ini belum ada ketetapan lagi dan *ان شاء الله* mungkin akan dibawa dahulu secara rundingan dalaman. Ia *involving* beberapa pihak dan agensi berkenaan.

Tetapi terima kasih diatas soalan dan pertanya tersebut Yang Berhormat. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang mana ia suka untuk menambah keterangan yang pernah dibuat sebelumnya. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi supaya kaola dapat jawab beberapa soalan yang telah diutarakan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Pertama sekali adalah mengenai dengan *Payment Gateway*, untuk menerima pembayaran dari luar negara yang mana telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari@ Jahari dan juga Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awng Haji Ash'ari.

Untuk menjawab soalan tersebut, pada masa ini terdapat projek yang sedang dilaksanakan oleh *Darussalam Assets* dan 3 bank tempatan untuk membentuk syarikat usahasama bagi menyediakan *payment gateway* atau *digital payment hub*, bagi memudahkan pembayaran transaksi bagi pembayaran *digital* di negara ini.

Visi projek ini adalah untuk menyediakan infrastruktur pembayaran segera ataupun *instant payment infrastructure* yang akan membolehkan faedah komersial dan sosi-ekonomi untuk Negara Brunei Darussalam. Projek ini ditaja di bawah naungan *Digital Economic Council* dan sebahagian daripada *Digital Payment Route Map 2019/2022* pihak Brunei Darussalam Central Bank.

Kaola ingin mengongsikan beberapa faedah-faedah utama di bawah *Digital*

*Payment Hub* ini. Ia akan membolehkan *fund transfer* dari akuan ke akuan yang selamat, segera dan kos efektif dan menggunakan teknologi yang biasanya digunakan oleh peniaga atau kedai untuk menerima pelbagai jenis pembayaran seperti kad kredit, kad debit. Ia juga teknologi ini membolehkan pembayaran secara *QR code*.

Memandangkan 80% Penduduk Brunei mempunyai akaun bank dan 125% *mobile penetration*. Ini adalah potensi tinggi untuk mengurus niaga melalui *smartphone* dan membolehkan *cashless transaction* sebagai norma baharu.

Ia juga dapat bagi menghubungkan pelanggan dan peniagaan yang tidak mempunyai akaun bank. Pembayaran yang lebih pantas dan pengurusan *cashflow* yang lebih mudah. Projek ini membolehkan transaksi *in spontaneous, secure dan auditable*, kos yang rendah untuk negara melalui kaedah seperti kod QR.

Ini akan mengurangkan urus niaga secara tunai kepada kerajaan yang berjumlah 90% pada keseluruhannya. Juga dengan infrastruktur negara ini kos diperlukan untuk mengendalikan wang tunai akan berkurangan yang berharga beberapa juta ringgit setahun.

*Digital Payment Hub* ini juga boleh merangsang *innovation financial services* dan *FinTech* melalui produk dan *value added services* yang akan mempunyai keupayaan untuk mengintergrasikan dengan *merchant acquires* atau *wallet*

dan *payment services provider* seperti *pocket* dan lain-lain.

Ia juga mampu menyediakan *platform connectivity* kepada *international payment rail* seperti *Paypal* bagi transaksi pembayaran antarabangsa masuk ke dalam negara tertakluk kepada pengesahan dan pemantauan kepada protokol dan peraturan tempatan dan antarabangsa seperti *Anti-Money Laundering*.

Satu lagi soalan mengenai dengan menambah baik sistem pembelajaran talian *internet* pelajar soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Untuk menjawab soalan ini, sukacita kaola kongsi bahawa penambah baik akses dan pengembangan rangkaian di kawasan-kawasan pedalaman adalah satu projek *Syarikat Unified National Network (UNN)* sedang menjalankannya. Projek ini diberikan kepada 6 Fasa yang akan meliputi beberapa lokasi di seluruh negara.

Fasa Pertama yang meliputi Kuala Abang, Menengah Lamunin dan Bukit Barun, telah dimulakan pada tahun lepas. Bermula dengan pemasangan kabel fiber sepanjang 12.35 kilometer dan akan siap dilaksanakan pada sekutu pertama tahun ini.

Fasa Kedua yang dirancang pada tahun ini akan melaksanakan pemasangan 54.4 kilometer kabel fiber bagi menampung beberapa kawasan di semua daerah termasuk Kampung

Batang Mitus, Sungai Pantai Labi, Bangkau dan Batang Duri dan akan siap dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

Manakala fasa seterusnya Fasa Ketiga akan siap dilaksanakan pada suku keempat tahun 2022 ini. Fasa Keempat dan kelima akan siap dilaksanakan masing-masing pada suku kedua dan keempat tahun 2023. Seterusnya fasa keenam akan siap dilaksanakan pada suku kedua tahun 2024.

Diharapkan dengan penambahbaikan ini lebih ramai penduduk umum termasuk pelajar-pelajar yang menjalani *virtual school* akan dapat mengakses rangkaian komunikasi yang lebih lancar. Di samping itu juga, peruntukan telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi membiayai *Project National Education Network for School* bagi 153 buah sekolah. Projek tersebut bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan *internet* yang berkelajuan tinggi dan *reliable* untuk sekolah-sekolah kerajaan bagi meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Walau bagaimanapun, penyediaan akses kepada sekolah-sekolah di kawasan pedalaman akan mengambil masa lebih panjang dan belum dapat dihubungi pada masa yang terdekat ini. Untuk mengatasi masalah ini buat sementara seperti Sukang dan Melilas pada masa ini disambungkan melalui sambungan Teknologi *Vsite Satellite* yang disediakan oleh NIAT Sendirian Berhad sebuah syarikat di bawah Darussalam Aset.

Sekian sahaja yang kaola dapat kongsi untuk menjawab soalan-soalan yang telah diutarakan sebelum ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira kita telah pun berbincang dengan panjang lebar mengenai Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga kita telah pun mendengar jawapan keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan beberapa soalan yang telah pun belum dijawab oleh menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka cukuplah sekian kita berbincang mengenai dengan belanjawan kementerian ini. Saya suka untuk mengundi sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi kita luluskan, sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih nampaknya semua bersetuju dan tajuk ini kita luluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Tajuk - SA01A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk - SQ01A hingga Tajuk SQ02A - Kementerian Tenaga.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sedang berpindah dan seterusnya untuk membincangkan Jadual Kementerian Tenaga. Sebelum Tajuk kementerian ini kita buka untuk dibahaskan sepertimana lazimnya saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga untuk menyampaikan mukadimah tentang penyediaan Rang Anggaran Belanjawan bagi kementeriannya, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu sukacita peramba, kaola, saya bagi pihak Kementerian Tenaga dan jabatan serta Badan-Badan Berkanun di bawahnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan titah yang dikurniakan pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada 24 Februari 2022.

Seterusnya peramba, kaola, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2022), Perbekalan 2022/2023 dengan tema "*Belanjawan Negara Bagi Tahun Kewangan 2022/2023 iaitu Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien*".

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tahun 2021 menyaksikan mulanya pemulihan pasaran minyak mentah dan gas dunia setelah mengalami kemerosotan pada tahun sebelumnya yang dipengaruhi oleh kelembapan ekonomi dunia dan sekatan perjalanan disebabkan oleh penularan wabak *COVID-19*. Alhamdulillah, harga pasaran minyak mentah dunia sudah beransur pulih ke paras yang lebih tinggi pada tahun ini. Kenaikan ini diharap akan memperbaiki keadaan fiskal kerajaan dan juga ekonomi negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walaupun Negara Brunei Darussalam telah dilanda gelombang wabak *COVID-19* kali yang kedua **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Kementerian Tenaga masih dapat mencatatkan beberapa pencapaian yang signifikan bagi tahun 2021. Pada Tahun 2021, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah meraikan ulang tahun yang ke 100 sejak penubuhannya. Jabatan ini telah

memainkan peranannya yang sangat penting dalam menjana kemajuan Negara Brunei Darussalam dan menyediakan bekalan tenaga elektrik yang berterusan ke rumah-rumah dari kawasan bandar hingga ke mukim-mukim dan kampung-kampung di pedalaman demi menjaga kesejahteraan dan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.

**اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mencapai kadar elektrifikasi atau *eletrification rate* pada tahap lebih 9.9%. Satu tunggak penting yang turut dicapai baru-baru ini penyambungan gred kebangsaan ke Daerah Temburong melalui Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Penyambungan ini meningkatkan lagi perkhidmatan dan kebolehpercayaan bekalan tenaga elektrik bagi rakyat dan penduduk di daerah tersebut.

Selain daripada itu, Daerah Temburong juga menjadi tumpuan kementerian ini bagi pemasangan lampu jalan yang berkuasa *solar* dan panel solar di bangunan-bangunan kerajaan sebagai *showcase* penggunaan sumber tenaga alternatif. Dalam melangkah ke era yang lebih moden ini Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan terus melaksanakan projek digitalisasi perkhidmatan dan penggunaan teknologi sekadar yang mana diharap akan dapat mengurangkan gangguan tenaga elektrik kepada orang ramai dan pelaksanaan sistem pengurusan tenaga iaitu *Energy Management System* bagi membantu meningkatkan kecekapan operasi dan

seterusnya mengurangkan kos penghasilan tenaga elektrik.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ketersediaan *hydro carbon* khususnya gas asli adalah penting bagi memastikan rakyat dan penduduk akan terus menikmati bekalan tenaga elektrik yang terjamin, di samping memastikan kedayatahan industri hiliran negara. Ke arah ini, Kementerian Tenaga dan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam telah dan akan terus bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat pengendali minyak dan gas utama, untuk memastikan segala aktiviti huluhan seterusnya penerokaan dan penggerudian dan pengeluaran adalah kekal diteruskan. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** dengan izin **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua pada tahun 2021, sebanyak 42 juta *barrels of oil equivalent* Minyak dan Gas yang baru telah berjaya ditemui, selain daripada menerokai kawasan-kawasan yang baru, beberapa projek pemuliharaan *rejuvenation* ke atas pelantar-pelantar dan *infarastruktur-infrastruktur* yang sedia ada telah pun dilaksanakan.

Pada tahun 2021 Kementerian Tenaga terus mengutamakan pembangunan projek-projek hiliran bagi mempelbagaikan lagi sumbangan eksport dari sektor tenaga. Pada tahun lepas sektor hiliran telah mencatatkan pengeluaran sebanyak \$14.35 juta ton dengan anggaran nilai eksport sebanyak \$10.7 bilion. Loji *Brunei Fertilizer Industries* jua siap dibina pada tahun 2021 dan seterusnya berjaya

menghasilkan buat kali pertamanya produk *urea* dan disusuli pengeksportan pertamanya pada awal Februari 2022.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dari sudut yang lain projek-projek tenaga yang peramba/kaola saya kongsi telah memberi manfaat dari segi peluang pekerjaan dan perniagaan penempatan, secara keseluruhannya sektor tenaga telah menyediakan 19,000,50 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan pada tahun 2021, di samping itu kandungan nilai tempatan iaitu in *country value* di sektor minyak dan gas mencatatkan pencapaian 60 % jumlah daripada jumlah keseluruhan belanjaan yang bersamaan dengan \$1.79 bilion.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Memandangkan sektor tenaga Negara Brunei Darussalam adalah pada kebanyakannya berasaskan sumber *hydro-carbon*. Kemententerian Tenaga telah mula memberi keutamaan kepada peralihan tenaga rendah *carbon* dan kecekapan tenaga. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** pada Tahun 2021 satu perintah iaitu *Energy Efficiency Standards and Labelling Order* 2021 telah pun diperkenankan dan **ان شاء الله** akan berkuat kuasa pada bulan Jun ini. Perintah tersebut antara lain membolehkan orang ramai membeli pilihan yang baik dalam pembelian perkakas eletrik rumah yang cekap Tenaga. Pada tahun 2021 jua, Kemententerian Tenaga telah mengeluarkan *Request For Proposal* bagi

kemajuan sebuah tapak tenaga suria yang berkapasiti 30 *Megawatt* di Kampung Belimbing, Subok. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** *RFP* tersebut telahpun menarik minat pelabur-pelabur asing dan tempatan.

Peralihan tenaga kepada sumber-sumber yang bersih memastikan negara berpaut atas komitmennya dalam menangani isu perubahan iklim, Kementerian Tenaga melalui dasar Perubahan Iklim Kebangsaan akan terus menerajui inisiatif dalam pengurangan lelasan karbon dari sektor tenaga, dalam hal ini Kemententerian Tenaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelepasan Perindustrian ataupun *Industrial Emission Committee*, pada bulan Julai 2021, yang mana ahli-ahlinya adalah termasuk syarikat-syarikat pengendali minyak dan gas, wakil institusi – institusi pengajian tinggi Negara Brunei Darussalam dan agensi-agensi pengawal seliaan kerajaan yang berkaitan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tahun 2021 itu juga merupakan Tahun yang signifikan bagi kerjasama serantau bagi Negara Brunei Darussalam selaku pengerusi *ASEAN*. Berhubung kerjasama sektor tenaga serantau Kementerian Tenaga telah berjaya mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga *ASEAN*. *ASEAN Ministers On Energy Meeting* yang ke-39 pada bulan September yang lalu, di mana deklarasi bersama *Bandar Seri Begawan Joint Declaration The 39 ASEAN Minster On Enegry Meeting On Energy Security And Energy Transition* telah dihasilkan dan

telah diadaptasi. ان شاء الله kepentingan-kepentingan serantau yang telah diberikan fokus di dalam *Joint Declaration* adalah selaras dengan hala tuju Kementerian Tenaga untuk memastikan masa hadapan tenaga yang mampan dan membantu meningkatkan usaha negara mempercepatkan peralihan Tenaga menggunakan sumber Tenaga diperbaharui dan rendah *carbon*.

Peramba/ kaola/ saya seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas cadangan peruntukan sebanyak \$240,781,230.00 yang adalah termasuk cadangan Peruntukan Berulang-Ulang sebanyak \$162,613,340.00 dan peruntukan perbelanjaan kemajuan \$43,968,000.00 yang disediakan untuk Kemententerian Tenaga termasuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Cadangan peruntukan ini telah disediakan dengan keutamaan bagi membantu memelihara kesejahteraan awam dan mendukung kemajuan sosioekonomi negara dengan lebih resilien. Ini akan dicapai melalui pembaharuan dan penaiktarafan sistem bekalan elektrik negara. Penyediaan prasarana untuk menarik lagi penyertaan Pelaburan Langsung Asing.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Tenaga bagi tahun Kewangan 2022/2023, adalah untuk membolehkan pelaksanaan pelan strategik Kementerian Tenaga 2020/2025. Khususnya inisiatif-inisiatif

dan program-program yang dirancang bagi Tahun Kewangan berkenaan. Kementerian Tenaga akan terus mendukung usaha untuk memastikan ekonomi negara yang bertambah resilien melalui pertumbuhan sektor tenaga hiliran, ini diharap akan menempatkan Negara sebagai sebuah *hub* industri hiliran terkemuka bagi pasaran-pasaran di rantau-rantau Asia Pasifik di masa akan datang. Pada tahun ini pula pengeluaran produk hiliran akan dipertingkatkan kepada 14.6 juta ton.

Sasaran pengeluaran minyak dan gas negara pada tahun 2022 pula adalah sekitar 300,000 *barrels of oil equivalent* sehari. Di samping itu beberapa telaga eksplorasi dirancang untuk penggerudian pada tahun ini dan beberapa blok juga akan ditawarkan menarik minat pengendali yang baru untuk beroperasi di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, antara fokus utama perbelanjaan pada tahun 2022/2023 adalah mendukung dan membantu sektor swasta agar berdaya tahan dan berkembang dan juga meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready*, ke arah mendukung usaha murni pihak berkenaan dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini Kementerian Tenaga akan memberikan keutamaan dalam memperluaskan lagi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Bagi tahun 2022, sasaran pekerjaan

tenaga tempatan di dalam sektor Tenaga adalah seramai 22,900 anak-anak tempatan iaitu peningkatan sebanyak 3,300 orang berbanding sasaran tahun 2021.

Dari segi perbelanjaan di dalam negara, iaitu *local contents spending* pula, Kementerian Tenaga dan Darussalam *Enterprise* bekerjasama rapat dalam membangunkan sebuah pusat inkubasi sektor tenaga iaitu *Energy Incubation Centre* yang bertempat di Taman Perindustrian Sungai Liang.

ان شاء الله inisiatif tersebut berhasrat untuk menjadi landasan bagi memupuk *mindset* pertumbuhan bagi perusahaan-perusahaan mikro kecil dan sederhana di dalam sektor tenaga. ان شاء الله sasaran bagi perbelanjaan dalam negara bagi tahun 2022 dianggarkan sebanyak \$1.9 bilion.

Kementerian Tenaga juga akan terus memanfaatkan peluang-peluang pembangunan nilai tempatan bukan sahaja di sektor minyak dan gas, malahan juga di sektor kuasa elektrik dan merangka arahan *local business development* yang khusus untuk sektor ini. Ianya dijangka akan turut menyumbang lebih banyak nilai dalam negeri bagi dari segi perbelanjaan dan pengambilan pekerja anak tempatan.

Bagi meningkatkan kapasiti syarikat-syarikat tempatan, Kementerian Tenaga adalah meneraju program-program i-Ushawawan di sektor tenaga dan telah berjaya membukakan peluang kepada pekerja seramai 317 anak tempatan dan



mempunyai jumlah keseluruhan nilai kontrak sebanyak \$30 juta. Usahawan-usahawan belia yang mengikuti program ini telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan berkebolehan serta mempunyai semangat daya saing yang kuat. Di mana sebahagiannya telah berjaya memperolehi kontrak-kontrak di luar program i-Usahawan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Komitmen negara untuk memelihara iklim dan alam sekitar turut diambil kira. Selain daripada Projek Tenaga Suria di Kampung Belimbing Subok yang dikongsikan tadi, Kementerian Tenaga juga akan mempertimbangkan penggunaan teknologi *panel solar* terapung ataupun *floating solar* beberapa kawasan yang bersesuaian di sekitar perairan negara dan juga takungan air telah dikenalpasti bagi menempatkan teknologi solar tersebut.

Untuk menggalakkan penggunaan tenaga *solar* oleh orang ramai dan sektor swasta, fokus Kementerian Tenaga bagi tahun 2022 adalah untuk memperluaskan lagi program *Net metering* dan memperkenalkan *Renewable Portfolio Standards*. ان شاء الله inisiatif-inisiatif tersebut akan meningkatkan penglibatan individu dan syarikat-syarikat di dalam mencapai kelestarian alam sekitar dan iklim supaya ianya akan dapat terus dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Cadangan Peruntukan Berulang-Ulang bagi Jabatan Kementerian Tenaga yang berjumlah \$1,234,170.00 akan memastikan organisasi yang cemerlang melalui pembangunan tenaga kerja. Ekosistem yang berkembang maju dan penyebaran digitalisasi. Sehubungan dengan itu, kementerian juga akan terus memupuk dan mempromosikan dan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan kapasiti dalam menangani impak dari *COVID-19* yang menjejaskan operasi dan pengeluaran minyak dan gas negara pada tahun 2020/2021.

Satu garis panduan yang dikenali sebagai *Notice to Industry on COVID-19 Measures for The Energy Sector* yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga. Ianya bertujuan bagi membolehkan operasi-operasi di sektor minyak dan gas dan sektor kuasa elektrik berjalan seperti asal sebelumnya penularan bagi *COVID-19*. Pada masa yang sama, Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam akan meneruskan usaha dalam membentuk rangka kerja pengawalseliaan yang selaras dengan perkembangan sektor kuasa elektrik negara dan akan memperkenalkan perlesenan peralatan dan tenaga kerja bagi memperkukuhkan aspek-aspek keselamatan orang ramai, pengguna dan sektor tenaga elektrik secara amnya. Tambahan lagi, jangkauan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), telah mencapai pelbagai sektor, bukan sahaja di dalam sektor minyak dan gas, perindustrian atau komersial, tetapi juga di dalam sektor pendidikan dan sektor kerajaan.

ان شاء الله, SHENA akan terus berusaha untuk memastikan bahawa insiden, *Major Incident Hazards* dan kehilangan nyawa di tempat kerja akan dapat dikurangkan sehingga sifar melalui peningkatan kesedaran dan juga kerjasama pihak industri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bersyukur kita kepada الله سبحانه وتعالى kerana dengan limpah rahmat-Nya Negara Brunei Darussalam masih dan ان شاء الله akan kekal menikmati hasil daripada rezeki khazanah yang dianugerahkan selama ini. Kementerian Tenaga akan terus menjalankan tanggungjawab untuk memastikan khazanah ini akan digunakan secara mampan serta berhemah dan akan sentiasa memikirkan kaedah untuk meningkatkan kedayatahanan sumber utama ini. ان شاء الله dengan kerjasama semua lapisan masyarakat melalui pendekatan senegara atau *whole of nation approach* Kementerian Tenaga akan mendorong sektor tenaga ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sekian sahaja dari kaola buat masa ini,  
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** الحمد لله terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga atas kenyataan yang diberikan yang begitu komprehensif dan cukup jelas dalam penyediaan Belanjawan kementerian yang berkenaan.

Sebelum saya membukakan Jadual ini untuk kita membincangkan ataupun kita bahaskan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik bahawa banyak perkara-perkara yang telahpun ditimbulkan dalam permuzakarahannya semasa perjumpaan di antara menteri yang berkenaan dengan Yang Berhormat dan banyak juga maklumat-maklumat yang baru yang telah pun disediakan, diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Maka saya kira tidaklah perlu perkara-perkara yang telah dibincangkan itu, ditimbulkan lagi dalam majlis ini. Ada baiknya kalau sekiranya kitani menumpukan perhatian kitani terhadap perkara-perkara yang perlu kita selesaikan dan pertanyaan itu biarlah tepat dan memenuhi sasaran-sasaran sebagaimana yang diinginkan.

Saya mulakan perbincangan ini dengan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya cuma ingin bertanyakan mengenai satu perkara iaitu apakah perkembangan bagi negara melaksanakan penetapan harga karbon ataupun *carbon pricing* atau mungkin *dipanggil carbon fund* yang diumumkan pada tahun 2020 dan pada masa itu diumumkan untuk dimulakan pada tahun 2021 bagi syarikat-syarikat dan penghasil-penghasil jejak carbon yang melebihi had serta mana-mana sektor kerajaan mahupun swasta yang berkaitan seperti

kemudahan industri, utiliti tenaga dan sebagainya? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalnya. Berkenaan *carbon pricing*. Strategi 6 di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim merupakan salah satu strategi yang sangat berkait rapat dengan strategi 1 *Industrial Missions*. Ianya adalah salah satu strategi yang diusahakan di bawah naungan Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam atau *Brunei Climate Change Secretariat*. Kementerian Tenaga adalah sedia maklum bahawa mekanisma *carbon pricing* atau harga carbon merupakan salah satu pendekatan yang dilaksanakan secara meluas di beberapa ekonomi di seluruh dunia termasuk negara-negara jiran seperti Singapura. *Carbon pricing* boleh mengalakkan pengurangan pelepasan karbon dari pihak perindustrian termasuk pengendali-pengendali tenaga melalui beberapa kaedah termasuk *carbon taxation* atau cukai ke atas lelasan karbon.

Pada masa ini, pihak *Brunei Climate Change Secretariat* di Kementerian Pembangunan adalah dalam proses penelitian mekanisma yang paling sesuai bagi Negara Brunei Darussalam. Kementerian Tenaga adalah aktif dalam bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Pembangunan bagi memastikan bahawa sektor tenaga adalah terlibat didalam proses ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa Tajuk SQ01A - Jabatan Kementerian Tenaga.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Negara telah menerima pelaburan langsung asing dengan kongsisama Syarikat Hengyi projek Pulau Muara Besar. Apakah Syarikat Hengyi ada membuat pengeluaran aspal jika ada apakah pihak kementerian merancang untuk mendapatkan bekalan aspal untuk kegunaan domestik bagi penambahan jumlah bekalan negara dalam pembangunan jalan raya dan lain-lain.

Seterusnya kaola membawa Tajuk SQ01A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Apakah kiranya jabatan memberikan bintang menunjukkan standard kontraktor yang memberikan perkhidmatan pendawaian elektrik ke rumah-rumah penduduk Negara Brunei Darussalam. Contohnya bintang 4, bintang 5 dan sebagainya. Ini kerana syarikat "Alibaba" kurang diyakini kemahiran dan kualiti perkhidmatannya tetapi dengan harga relatif murah. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Mengenai soalan

*bitumen*. *Bitumen* pada biasanya dihasilkan dari sesi produk iaitu residu hasil daripada pemprosesan minyak mentah. Buat masa ini sisa produk yang dihasilkan dari loji Pulau Muara Besar (Fasa Pertama) diproses seterusnya sebagai *feed stock* untuk menghasilkan produk-produk petroleum yang lebih bernilai di pasaran memandangkan kualiti minyak mentah yang di proses adalah dikategorikan sebagai *light crude oil* komposisi resudi yang dihasilkan pada masa ini tidak menepati klasifikasi untuk menghasilkan kualiti

Soalan kedua. Kaola/saya akan menjawab dengan teliti bila ada peluang untuk melihat perkara yang kedua itu berkenaan dengan bintang elektrik. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kaola akan membawa Tajuk SQ01A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Beberapa laporan daripada organisasi antarabangsa telah mensyorkan bahawa bagi pemulihan sosioekonomi yang lebih berdaya tahan atau resilien pasca wabak *COVID-19* penggunaan tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* adalah digalakkan dari segi penjaminan pembekalan tenaga. Ini mengambil kira harga minyak dan gas dunia kurang stabil dan tidak menentu. Kaola mengambil baik akan rancangan

Kementerian Tenaga untuk memperkembangkan lagi penajaan tenaga *solar* dengan pembinaan tapak solar berkapasiti tinggi di Kampung Belimbing Subok ke arah memastikan sumber tenaga yang berdaya tahan adalah tersedia bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Seperti yang diketahui ramai penularan wabak *COVID-19* telah menjejaskan beberapa projek dan strategik di Negara Brunei Darussalam. Pertanyaan kaola, adakah ianya juga telah memberi kesan ke atas perkembangan tenaga solar di Negara Brunei Darussalam dan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian Tenaga dalam mengatasinya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis di atas soalnya. Secara umumnya penularan wabak *COVID-19* telah mempengaruhi rantai pembekalan global dan serantau yang melibatkan isu logistik dan juga kemasukan pekerja-pekerja pakar ke negara ini. Ianya telah sedikit sebanyak menjejaskan usaha Kementerian Tenaga untuk mengembangkan dan pembangunan projek-projek solar berskala kecil dan besar dalam negara mengikut jadual asal yang telah direncanakan. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kesan daripada wabak *COVID-19* tersebut kepada beberapa projek *solar* dalam negara, pihak kementerian telah pun mengambil beberapa inisiatif untuk

membolehkan para petender luar negara melantik wakil daripada ejen-ejen tempatan untuk membantu pelaksanaan projek-projek yang berkenaan.

ان شاء الله dengan perkembangan terkini wabak *COVID-19* di mana Negara Brunei Darussalam sudah berada di dalam fasa awal pandemik rancangan-rancangan tenaga solar yang telah saya kongsi dalam mukadimah dan muzakarah akan diteruskan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga yang telah memberikan taklimat dan mukadimah yang terbaik pada pagi yang mulia ini. Kaola ingin menyentuh SQ01A - Jabatan Kementerian Tenaga dengan peruntukannya iaitu sebanyak \$9,848,090.00

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dalam memastikan bahawa sosioekonomi Negara Brunei Darussalam adalah resilien usaha mempelbagaikan ekonomi adalah sangat penting. Antara sektor-sektor yang dibangunkan ke arah matlamat ini adalah sektor tenaga hiliran dan juga sektor perikanan. Kedua-duanya mestilah dikembang majukan tanpa menjejaskan operasi satu sama lain.

Loji penapis minyak dan petro kimia yang terletak di Pulau Muara Besar adalah berhampiran dengan Pulau Pelumpong yang mana terdapat banyak aktiviti penternakan ikan di kawasan berkenaan. Dalam pada itu, apakah usaha-usaha Kementerian Tenaga bagi memastikan tidak ada impak yang negatif terhadap alam persekitaran di pulau tersebut?.

Persoalan yang kedua, kaola ingin membawa iaitu sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Pembukaan Majlis Meyuarat Negara, tahun 2022 antara lainya telah mengongsikan bahawa sektor hiliran tenaga seperti pengeluaran dari loji penapis minyak dan petro kimia dan *juga Brunei Fertilizer Industry (BFI)* telah memberikan impak yang positif kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun loji penapisan minyak berkenaan mungkin terdedah kepada risiko tinggi di mana penularan wabak mudah merebak. Ini mengambil kira kawasan di Pulau Muara Besar adalah kecil, namun mempunyai pekerja yang ramai (berdensiti tinggi).

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perkara ini apakah langkah-langkah Kementerian Tenaga bagi membendung impak pandemik ini ke atas operasi harian loji dan produktiviti? Sehubungan dengan itu juga, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan rakyat dan penduduk yang tinggal di Mukim Serasa dan kampung-

kampung sekeliling Pulau Muara Besar tidak akan terdedah kepada bahaya penularan *Covid-19* sekiranya terjadi?

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat, kita sekarang berhadapan dengan masalah masa, jadi saya harap Yang Berhormat berikan kerjasama supaya cepat-cepatlah bertanya apa yang akan ditanyakan dan akan dapat dijawab secepatnya oleh Menteri yang berkenaan.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:**

اللَّهُمَّ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas saranan tersebut. Izinkan kaola untuk meneruskan persoalan yang ketiga ini.

Kemajuan negara semakin pesat, pemasangan kabel-kabel juga semakin banyak dikendalikan oleh pihak-pihak kontraktor di beberapa kawasan yang dikhaskan sama ada berdekatan dengan perumahan atau jauh dari orang ramai. Pemasangan kabel dalam penggunaan elektrik telekomunikasi dan sebagainya yang sentiasa dinaik taraf mengikut masa dan waktunya. Sehubungan dengan itu masihkah lagi berleluasa kecurian kawat elektrik yang sering terjadi di tempat-tempat yang sunyi dan jauh dari pandangan orang ramai. Beberapa kejadian yang telah meragut nyawa, pelakunya juga terjadi sehingga beberapa agensi kerajaan terpaksa turun membuat tugas-tugas harian.

Perkara ini dibangkitkan adalah demi untuk kesejahteraan para penduduk dan

keselamatan harta benda kerajaan yang terdapat dalam kawasan dinyatakan agar kejadian kecurian dengan perkara yang tidak diinginkan tidak berulang lagi.

Merujuk perkara tersebut, apakah perancangan dan tindakan pencegahan yang sudah dirancang dan belum dilaksanakan oleh pihak Kementerian Tenaga? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan Yang pertama tadi daripada daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman iaitu berkenaan dengan bagi memastikan tidak ada impak yang negatif terhadap dalam persekitaran di Pulau Muara Besar. Ada sebuah kumpulan kerja *Joint HSE monitoring Program* telah ditubuhkan pada bulan Mac 2020 yang mana dipengerusikan oleh *Authority Petroleum* Negara Brunei Darussalam bagi memantau secara kolektif isu-isu keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang berkaitan dengan operasi loji penapis minyak dan petro kimia Pulau Muara Besar melalui beberapa program dan pelan pemantauan bersama yang disediakan.

Ahli-Ahli JMP ini adalah termasuk Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi, Autoriti Kebangsaan Keselamatan Kesihatan dan Alam Sekitar, SHENA, Autoriti Elektrik, Jabatan Perikanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Autoriti Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam. Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Pusat Pengurusan Bencana

Kebangsaan Brunei dan Darussalam Enterprise.

Mesyuarat JMP juga adalah satu platform di mana agensi-agensi tersebut dapat berkongsi sumber tenaga dan kepakaran serta bekerjasama untuk menangani pelbagai cabaran yang timbul. Pada masa ini, Syarikat Hengyi adalah dalam proses melaksanakan kerja-kerja *dragging* dan *reclamation* bagi memastikan bahawa aktiviti ini tidak mencemari perairan berhampiran Pulau Muara Besar terutama di kawasan tapak industri ternakan ikan yang berkemungkinan menjejaskan operasi penternak ikan.

Syarikat Hengyi telah mengadakan *environmental impact assessment* beserta *environmental monitoring and management plan* bagi infrastruktur pesisir pantai kepada pihak JASTRE. Pemantauan berdasarkan *EIA* dan *EMMP* ini disemak oleh *dragging* dan *reclamation working group and aquaculture task force* secara berterusan selagi kerja-kerja *dragging* dan *reclamation* masih dalam pelaksanaan.

Kementerian Tenaga dan Autoriti Petroleum akan sentiasa bekerjasama rapat untuk memastikan tidak ada impak yang negatif terhadap alam persekitaran di dalam apa sahaja projek minyak dan gas. Selain itu loji ini direka bentuk mengikut standard industri antarabangsa dan had pelapasannya adalah ditetapkan di bawah paras had *World Bank (IFC) International Finance Cooperation*. Logi ini juga akan memantau pelepasan melalui system *Air Quality Monitoring* yang dipasang di Pulau Muara Besar dan

kawasan Muara. Pelepasan ini akan diawasi oleh pihak JASTRE. Hengyi juga mempunyai *Tier 2 Oil Spill Response Plan*. Plan pengawalan tumpahan minyak yang menepati keperluan *National Oil Spill Contingency Plan* dan beberapa latihan kecemasan telah dijalankan bagi memastikan kecekapan dan ketersediaan pihak Syarikat Hengyi termasuk latihan bertahap *Tier 3* yang telah melibatkan *National Disaster Management Committee* dan agensi-agensi yang berkepentingan.

*Table Top Exercise Tier 3* telah dijalankan pada 12-13 Januari 2021 dan soalan yang ke 2 tadi boleh kiranya Yang Berhormat kemukakan sekali lagi.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman**

@ **Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Dato. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan rakyat dan penduduk yang tinggal di Mukim Serasa dan Kampung-kampung sekelilingnya. Pulau Muara Besar tidak akan terdedah pada bahaya penularan *COVID-19* sekiranya ia terjadi. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:**

Terima Kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Pihak Kementerian Tenaga telah pun mengambil langkah proaktif bagi menguruskan pasukan Pengurusan Krisis: *Crisis Management Team* sejak Januari 2020, yang terdiri dari agensi-agensi yang berkepentingan dan yang bertanggungjawab antara lain memastikan sebarang impak daripada pandemik *COVID-19* dapat dipantau dan

tidak memberi impak yang besar kepada operasi pengendali-pengendali termasuk Syarikat-syarikat Hengyi di Pulau Muara Besar. *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* setakat ini operasi logi tidak terjejas dan dengan situasi pandemik.

Disamping itu juga kerjasama operator adalah dimestikan untuk mempunyai *Standard Operating Procedure* mengenai langkah-langkah pencegahan berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dalam memastikan apa saja situasi adalah dalam keadaan terkawal dan tidak akan menular kepada orang ramai.

Baru-baru ini *COVID-19* Kementerian Tenaga juga telah menubuhkan pasukan tindakan bagi menangani wabak *COVID-19* dimana ahli-ahli di dalam pasukan ini adalah terdiri dari wakil-wakil Kementerian Tenaga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, *Authority Petroleum Brunei* dan *Safety Health Environment*. Yang mana berperanan untuk memastikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kritikal adalah tidak terjejas. *Taskforce* ini juga telah menyediakan satu garis panduan bertajuk *Notice to Industry on COVID-19* dalam sama-sama menangani mengurangkan kesan impak terhadap aktiviti operasi minyak dan gas di sektor tenaga.

Fokus-fokus utama *NTI* tersebut adalah untuk memberikan garis panduan bagi pekerja penting di tempat-tempat kerja yang dikategorikan kritikal dalam memastikan keseimbangan dan kestabilan operasi. Pasukan tindakan ini akan sentiasa memantau situasi *COVID-19*

dalam sektor tenaga bagi memastikan kesan atau impak kepada pengeluaran di industri hulu dan hiliran adalah di tahap minimum termasuk operasi di loji penapisan minyak dan petrokimia di Pulau Muara Besar. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga. Saya sekarang ingin mencadangkan supaya tajuk Kementerian Tenaga kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk ini kita luluskan, sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih semuanya bersetuju dan kita meluluskan Tajuk Kementerian Tenaga.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk SQ01A - SQ02A Kementerian Tenaga dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SP01A - Kemajuan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa sekarang berpindah kepada tajuk Kemajuan. Sebagaimana yang telah kita maklumi bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi ke II, telah pun menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan Belanjawan Kemajuan yang disediakan ini dan saya harap soalan-soalan akan tertumpu kepada perkara-perkara yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan yang berkenaan. Saya sekarang



membukakan perbahasan mengenai dengan tajuk Jadual ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai perbelanjaan Kemajuan ini, saya merujuk mengenai dengan perkara sumber tenaga manusia iaitu 004 Pusat Pembangunan Kapasiti. Dengan peruntukan yang diberikan \$1,132,608.00 bagi 2022/2023 dan \$273 000.00 bagi 2023/2024. Pernah di kongsikan untuk PPK ini dijalankan oleh IBTE untuk *International accreditation* serta halatuju yang lain di dewan ini pada tahun 2019. Apakah masih keperluan PPK ini *standalone* peruntukannya atau lebih baik ianya di bawah program IBTE atau *Lifelong Learning* sahaja sebagai *operation*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalan diajukan tadi. PPK ini memang satu program telah dilancarkan beberapa tahun sebelum ini. Jadi peruntukan disediakan untuk yang mana penuntut-penuntut mengikuti kursus-kursus dalam PPK ini belum selesai, peruntukan mesti disediakan sampai habis nanti ان شاء الله. Jadi di mana ada *training* yang baru itu termasuk dalam *HRD fund*. Mestilah diasingkan dari *HRD fund*. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya ada 2 soalan dan jua 2 cadangan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, saya ingin mengetahui berapakan projek-projek dari RKN 11 yang tidak dapat disiapkan dan akan dibawa ke hadapan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Ke 12 nanti.

Seperti yang diketahui sebelum ini ada 13 projek yang telah ditunda dari RKN 10 dan ianya dilaksanakan di bawah RKN 11. Saya sering mendengar juga mengenai dengan mukadimah menteri-menteri mengenai dengan penerapan PPP akan tetapi saya ingin memohon pencerahan tentang proses pelaksanaan projek-projek ini yang ianya masih saja memakan masa yang agak lama untuk diselesaikan iaitu ingin mengetahui status 7 projek yang di dalam RKN 11 yang dilaksanakan melalui pembiayaan *alternative financing*. Apakah ianya sedang dilaksanakan ataupun masih dalam pelbagai peringkat. Jika dapat keperluan ini dapat di dalam pelbagai peringkat. Jika dapat keperluan ini dapat disemak ataupun dinilai semula polisi ataupun *plot ratio* mahupun tempoh *list*

yang ditawarkan, maka pihak kementerian adalah disarankan untuk melakukannya secepat mungkin.

Seterusnya adalah mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Pengerusi. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada mengongsikan semasa sesi muzakarah bersama Kementerian Pendidikan mengenai dengan *shut facilities*. Bagi bangunan sekolah-sekolah di Mengkubau iaitu pergabungan di antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, *3 in 1*, yang merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah dan juga sekolah ugama yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Ianya dapat menjimatkan kos perbelanjaan pembangunan, kos *maintenance* bangunan dan juga menjimatkan penggunaan tanah. Saya mengambil baik akan cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya sekolah-sekolah boleh meneroka pilihan lain ataupun *alternative financing*. Seperti menerapkan atau mengintegrasikan *facilities* yang difikirkan perlu seperti dewan serbaguna, *facilities* sukan terbuka, *daycare facilities* ataupun *nursery* bagi membukakan peluang untuk bekerjasama dengan pihak swasta melalui program PPP.

Saya menyambut baik kaedah *alternative financing* yang telah diterapkan di beberapa projek RKN. Salah satu usaha PPP yang berjaya dilaksanakan di kawasan perumahan ialah bangunan komersial Rimba Point. Akan tetapi juga

terdapat lagi cadangan tanah-tanah komersial di Kawasan RPN yang belum dikembang luaskan. Saya percaya lebih banyak usaha kerjasama PPP akan dapat dilaksanakan dan melahirkan hasil yang sangat menguntungkan kepada kerajaan dan di samping itu dapat membantu kerajaan mencapai *milestone* dan objektif kemajuan negara terutama sekali tanah-tanah komersial yang terletak di kawasan *prime areas*.

Satu cadangan bagi projek gabungan juga adalah di antara Kementerian Pembangunan juga Kementerian Tenaga. Seperti Projek Perumahan Negara, *incorporate* dan menyediakan *solar panel* di atas bumbung perumahan dan bangunan-bangunan baru secara berfasa. Contohnya, kita boleh memanfaatkan tenaga *solar* yang dapat menjana 10 Megawatt ke 20 Megawatt, tenaga yang dapat dihasilkan oleh 1,000 ke 2,000 unit perumahan. Ini boleh membantu sasaran negara dari segi tenaga hijau iaitu untuk meningkatkan sasaran kapasiti keseluruhan kepada 200 Megawatt daripada tenaga *solar* menjelang tahun 2025. Memfokuskan komitmen negara untuk mencapai *net zero emission* atau *carbon neutrality* seperti yang telah dimaklumkan semasa cop 26, semasa persidangan *ASEAN 2021*. Di samping itu penggunaan gas secara domestik boleh dikurangkan dan ditambah kepada nilai eksport gas negara.

Sidang dewan yang saya hormati, dengan adanya peta jalan RKN 12 ini nanti, projek-projek di bawah RKN 12 akan dapat dipantau secara teratur dan mencapai sasaran yang diharapkan.

ان شاء الله dengan penglibatan dan kerjasama rapat di antara semua kementerian dalam usaha untuk memastikan Wawasan Brunei 2035 akan tercapai. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai dengan beberapa soalan, ان شاء الله kaola akan menjawab soalan pertama dan kedua. Mengenai dengan cadangan itu tertakluk kepada rakan-rakan sejawatan kaola sama ada akan dijawab atau tidak.

Mengenai dengan pencapaian RKN 11. Setakat 31 Januari 2022, sebanyak 29 projek telah pun siap dilaksanakan. Pada masa yang sama, sebanyak 79 lagi projek dalam peringkat tahap pelaksanaan pada masa ini. Jadi memang kalau dilihat prestasi fizikal dan kewangannya masih rendah dibandingkan dengan jumlah RKN 11 keseluruhannya. Tapi langkah berhati-hati di setiap kementerian, jabatan dalam memastikan kaedah dan projek-projeknya yang akan dilaksanakan, mesti sentiasa diteliti supaya mereka ini dipastikan membuah hasil dan mencapai objektif saranan Wawasan Brunei 2035. Jadi kalau mana-mana projek di bawah RKN 11 yang belum siap atau belum dapat dilaksanakan semasa RKN 11, memang akan diteliti semula

mengikut keutamannya dan akan ditunda kepada RKN 11.

Mengenai soalan *alternative financing*, sebenarnya ada 7 buah projek sebelum ini dimasukkan di dalam RKN 11. Memandangkan dengan urusan kerajaan pada masa ini, beberapa projek telah pun boleh dilaksanakan oleh badan-badan berkanun, jadi tidak lagi masuk di dalam RKN. Jadi, 7 projek ini kebanyakannya untuk membuat jalan raya di *industrial sites* yang pada masa ini diambil alih oleh *Darussalam Enterprise*, jadi tidak lagi masuk bajet peruntukan dalam RKN. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi bagi soalan-soalan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin menambah?

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Mengenai dengan usaha-usaha projek PPP yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman tadi. Dari aspek perancangan kawasan perumahan yang telah dipilih iaitu di kawasan-kawasan Skim Perumahan Negara memang ada mempunyai pelan induk dengan perancangan yang spesifik dan tertentu ke atas penggunaan plot ataupun tapak-tapak tanah seperti kawasan komersial, sekolah, masjid, kawasan riadah dan sebagainya.

Sepertimana juga plot-plot tanah yang telah pun diperuntukkan bagi pembinaan

rumah di dalam kawasan-kawasan perumahan tersebut, yang mana adalah di bawah kawal selia Jabatan Perumahan. Plot atau tapak-tapak tanah yang lain telah pun diperuntukkan dan diagihkan kepada pihak-pihak tertentu untuk mengendalikan untuk apa-apa kemajuan ke atasnya dan selaras dengan perancangan masing-masing. Seperti misalnya penyediaan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, masjid di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain lagi.

Ada beberapa kawasan komersial dengan keluasan yang tertentu di dalam Kawasan Skim Perumahan Negara dikategorikan sebagai plot ataupun tapak-tapak tanah di bawah Rancangan *Government Land Lease (GLL)* yang telah pun dikenal pasti dan untuk dimajukan. Pendekatan melalui kaedah *Private Public Partnership (PPP)* secara *Expression of Interest (EOI)* sebagai pembiayaan alternatif untuk memajukan kawasan-kawasan komersial tersebut. Ini adalah dalam perancangan seperti apa yang telah pun kaola kongsiikan di dalam mukadimah kaola semalam.

Mengenai dengan *incorporate solar panel*, ingin kaola menambah sedikit barangkali. Mengikut saranan Yang Berhormat untuk menerapkan pemasangan *solar panel* ke bangunan-bangunan perumahan serta bangunan-bangunan baru bagi projek-projek pembangunan di bawah RKN 12. Ini memanglah disambut baik dan satu cadangan yang bagus dan pada masa ini Kementerian Pembangunan menyokong projek-projek *Building Integrated*

*Photovoltaics (BIPV)* seperti di Pekan Bangar, Temburong dan juga projek *solar PV* yang lain seperti *floating solar PV* di dalam kawasan *reservoir*.

Dengan adanya mekanisme *Net Metering* yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Tenaga, aplikasi BIPB ini akan lebih menarik kepada sektor swasta dan perkara ini ان شاء الله akan dibincangkan lagi dengan Kementerian Tenaga. Dan untuk makluman juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, keperluan bagi tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) merupakan satu kategori di bawah kategori yang terdapat di dalam *Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS)* yang mana akan menyokong Strategi 5 *Power Management* dan Strategi 8 *Climate Resilience and Adaptation*. Kriteria tenaga yang boleh diperolehi ini akan menggalakkan penggunaan sumber tenaga *solar* dan juga teknologi karbon rendah di dalam bangunan.

Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin mengulas berhubung dengan kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada muzakarah yang diadakan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu, mengenai bangunan sekolah untuk gunasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kementerian Hal Ehwal Ugama sebenarnya menyokong cadangan seperti ini, Yang Berhormat Pengerusi. Dalam langkah-langkah ke hadapan Kementerian Hal Ehwal Ugama, untuk pembangunan ini akan sentiasa menyelaraskan keperluan itu dengan pihak Kementerian Pendidikan. Ini sangat penting dan ada beberapa sekolah sudah dirundingkan dan ada yang bersetuju untuk gunasama dan ada yang tidak.

Tetapi yang penting diingati ialah guna sama itu memang guna sama untuk kemudahan-kemudahan yang umum seperti dewan dan sebagainya. Bagi bilik-bilik darjah terutama sekali khusus bagi Bahagian Ugama untuk kegunaan agama, ada ruang-ruang untuk latihan-latihan praktikal amali keagamaan seperti mana ada di bangunan sekolah-sekolah agama. Setelah itu ialah keperluan untuk bilik guru-guru yang sudah tentu akan berasingan. Guna sama itu setakat mana kitani boleh menggunakan bersama khusus masing-masing daripada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mestilah diambil kira.

Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini sangat penting kerana Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat memberi perhatian kepada penyelarasan waktu persekolahan di antara sekolah yang ada aliran umum dan sekolah agama. Jadi bermakna, penyelarasan waktu itu sedang giat difikirkan di peringkat kementerian bagi mengelakkan kejadian fenomena biasa bagi ibu bapa terpaksa

berulang-alik keluar meninggalkan tugasnya terutama sekali dalam perkhidmatan awam ialah untuk menghantar mengambil anak-anaknya daripada sekolah agama dan sebagainya. Jadi, ada langkah-langkah untuk gunasama bangunan sekolah, maka akan diambil kira penyelarasan waktu ini.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Saya kira cukup sekian kita berunding mengenai dengan Tajuk Kemajuan ini dan sekarang, saya suka untuk mengundi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk Kemajuan ini kita luluskan, sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih dan semuanya bersetuju. Tajuk Kemajuan ini kita luluskan.

**Yang Dimulikan Jurutulis:** Tajuk SP01A – Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sedang membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2022/2023 dan hendaklah mula berjalan berkuat kuasa pada 1 April 2022. Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan

Kuatkuasa, tidaklah perlu dibahaskan lagi.

Oleh yang demikian, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Gelaran Pendek dan tarikh permulaan berkuat kuasa Akta ini diluluskan? Jika demikian, sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan permulaan kuat kuasa diluluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan permulaan kuat kuasa dijadikan sebagai sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ, kita pun telah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk yang terdapat dalam Jadual bagi Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semuanya kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya semasa perbincangan dan perbahasan Rang Undang-Undang ini sehingga ianya selesai.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula

di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya kira cukup sekian kita bersidang pada pagi ini, maka saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 3 Mac 2022 mulai pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,  
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**